

Tamadun Islam dan Tamadun Asia



**TAMADUN
MELAYU**

Pengenalan



- Tamadun Melayu merujuk kepada sebuah tamadun yang dibentuk oleh sekelompok manusia yang secara luasnya digolongkan sebagai kumpulan orang Melayu.
- Ianya muncul di Alam Melayu sebelum kedatangan Islam. Begitu juga dengan kerajaan yang wujud sebelum kedatangan Islam seperti Funan, Angkor dan kerajaan Melayu maritim (Langkasuka, Srivijaya)
- Dua perkara penting yang mewarnai tamadun wilayah ini ialah Bahasa Melayu dan agama Islam.



- Kedudukan Alam Melayu yang strategik telah menarik minat pelbagai kuasa besar.
- Fasa perkembangan sejarah Melayu dapat diperhatikan pada lima perkara:
 - Fasa kedatangan dan petapakan masyarakat yang dikenali sebagai Melayu.
 - Fasa orang Melayu menerima pengaruh Hindu-Buddha dalam agama dan kebudayaan.
 - Fasa orang Melayu menerima Islam.
 - Fasa penjajahan.
 - Fasa kewujudan negara merdeka.

Konsep Melayu



- Istilah Melayu merujuk kepada tiga pengertian atau dimensi yang berbeza iaitu ras, kebudayaan dan bahasa.
 - Ras Melayu
 - Bahasa Melayu
 - Kebudayaan Melayu



- **Ras Melayu**

- Merupakan istilah dalam bidang biologi dan merujuk kepada satu kumpulan etnik yang mempunyai ciri-ciri fizikal yang hampir sama.
- Konsep ras merujuk kepada enam kelompok manusia berdasarkan perbezaan fizikal iaitu warna kulit, bentuk muka, rambut, genetik, linguistik dan budaya.
- Ras melayu dipecahkan kepada ratusan suku atau etnik yang mempunyai perbezaan dari segi lokasi, dialek dan budaya.



- **Budaya**

- Ilmu pengetahuan sesuatu kumpulan manusia yang diwarisi dan diturunkan daripada generasi kepada generasi yang lain.
- Tamadun Melayu merupakan tamadun yang dicernakan dan diapresiasi oleh orang Melayu yang akhirnya menjadikan kebudayaan amalan mereka dikenali sebagai kebudayaan Melayu.



- Bahasa :

- Sistem pertuturan yang digunakan untuk berhubung dan berkomunikasi antara satu dengan yang lain.
- Ras Melayu lazimnya bertutur dalam kumpulan keluarga bahasa Melayu-Indonesia yang dikelompokkan bersama dengan sub-keluarga bahasa-bahasa Melayu, Jawa, Sunda dan sebagainya.
- Bahasa Melayu berasal daripada bahasa Austronesia yang juga dikenali sebagai bahasa Malaypolinesia.

2. Melayu dalam Perlembagaan Malaysia



- Perkara 160, Perlembagaan Malaysia orang Melayu ditakrifkan sebagai:
 - Berbahasa Melayu
 - Mengamalkan adat istiadat Melayu
 - Beragama Islam

Asas-asas tamadun Melayu



- Tamadun Melayu merujuk kepada masyarakat yang mempunyai susunan struktur yang kompleks dengan raja sebagai pemimpin, golongan ulama, pembesar, pedagang dan petani.

1. Asas pembentukan tamadun Melayu



- Masyarakat Melayu sudah bertapak di kawasan Asia Tenggara sekurang-kurangnya 5000 tahun dahulu.
- Asas kepada kemunculan tamadun dan susunan masyarakat kompleks dibentuk dengan penguasaan teknologi pertanian.



- Amalan bermesyuarah dalam masyarakat Melayu bersesuaian dengan cara kehidupan masyarakat yang menekankan nilai kesaksamaan antara ahli-ahlinya.
- Amalan bermesyuarah diamalkan dalam kalangan masyarakat desa manakala dalam masyarakat bangsawan, raja atau sultan berkuas mutlak.



- Orang Melayu terbuka kepada idea-idea baru untuk memantapkan lagi tamadun Melayu.
 - Zaman agama Hindu dan Buddha berpengaruh di Alam Melayu.
 - Zaman kedatangan Islam pada awal kurun ke-12.
 - Kuasa Barat British pada akhir kurun ke-19.



Malay-Polynesian



Kemunculan Tamadun Melayu hasil penguasaan laluan perdagangan.



- Berdasarkan bukti arkeologi kerajaan Melayu telah wujud seawal 2500 tahun dahulu di Lembah bujang dan Kuala Selinsing.
- Terdapat pelabuhan-pelabuhan yang mengendalikan perdagangan jarak jauh yang melalui Selat Melaka dan dikuasi oleh pemimpin sesebuah kerajaan.



- Antara nilai dalam tamadun Melayu yang berteraskan kepada aktiviti ekonomi perdagangan ialah:
 - kebolehan untuk berinteraksi dengan masyarakat luar, bersifat terbuka, menghormati undang-undang tempatan dan mengambil kira pandangan orang lain.

Pembentukan empayar Melayu sebelum Islam



- Masyarakat Melayu menghasilkan tamadun-tamadun awal di rantau Asia Tenggara melalui penguasaan teknologi maritim.
- Kesenian yang terdapat di candi Borobudur adalah satu contoh bagaimana orang Melayu telah menghasilkan satu bentuk kesenian tersendiri dan berbeza sungguhpun asasnya datang dari tamadun India.



- Dua empayar Melayu yang besar dan merangkumi kawasan yang luas ialah Empayar Funan dan Empayar Sri Vijaya.
- Kedua-duanya menguasai laluan perdagangan di kawasan mereka.

TAMADUN MELAYU SeLePaS ISLAM



- **Agama Islam dibawa ke Alam melayu melalui 3 laluan;**
 - Secara langsung melalui laluan perdagangan laut dari Arab dan Parsi;
 - Melalui laluan perdagangan darat ke benua kecil India dahulu seblum sampai ke kawasan Asia Tenggara
 - Melalui laluan perdagangan darat (laluan sutera) dari tanah besar China dahulu seblum ke laluan perdagangan laut ke Asia Tenggara.



- Islam telah membentuk Tanah Melayu yang baru seperti Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Melayu Islam yang lain iaitu Aceh, Pasai, Perlak, Pattani dan Johor-Riau-Lingga yang menjadi pusat intelektual dan persuratan Melayu.
- Melahirkan karya seperti Hikayat Raja-Raja Pasi, Hikayat Amir Hamzah, Hukum Kanun Melaka, Undang-undang laut Melaka, Adat raja-Raja Melayu, Hikayat hang Tuah dan Sulalat al-salatin atau Sejarah Melayu.
- Tokoh ulama-Hamzah Fansuri, Arshad al Banjari, Syeikh Daud al-Fatani, yusuf al Makasari, Abdul samad al-Falembani, Wali Songo dan raja Ali haji.

Sambungan...



- Istana dan masjid berfungsi sebagai pusat pengembangan ilmu dan agama Islam untuk segenap lapisan masyarakat, berbeza dgn zaman sebelum Islam ilmu hanya untuk golongan istana.
- Kesultanan Melayu Melaka dianggap kemuncak pencapaian Tanah Melayu pada masa itu.



- Kerajaan Melayu Melaka juga membentuk sistem perundangan yg dikenali sebagai Hukum kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang berlandaskan perundangan Islam dan adat resam Melayu.
- Batu bersurat Terengganu membuktikan kerajaan Islam telah wujud di Tanah melayu seawal 1303M lagi.

Pandangan semesta tamadun Melayu



- Selepas kedatangan Islam, pandangan semesta Tamadun Melayu banyak berteraskan unsur-unsur akidah Islam.
- Terdapat juga unsur-unsur pandangan semesta sebelum Islam yang diwarisi.
 - Peribahasa perumpamaan, pepatah-pepatih dan amalan kehidupan seharian.

Pandangan semesta tamadun Melayu



- **Akidah Islam**
 - Keimanan dan ketakwaan kepada Allah adalah perkara yang paling penting dalam agama Islam.
 - Pandangan semesta orang Melayu berunsur tradisional disuaikan dengan dasar-dasar akidah Islam.
 - Institusi beraja adalah tradisi masyarakat Melayu.
 - Masyarakat Melayu juga sangat menghormati pemimpin.



- **Ketaatan kepada Sultan dan menghormati Pemimpin.**
 - Institusi beraja adalah unsur tradisi masyarakat Melayu.
 - Ketaatan, kesetiaan dan hormat kepada Sultan dan pemimpin telah menjadi sebahagian daripada budaya orang Melayu sejak zaman awal tamadun Melayu lagi.



- **Berpegang teguh kepada adat resam**
 - Orang Melayu amat menjaga adat resam termasuklah pantang larang dan adat istiadat yang diwarisi dan diamalkan turun temurun.
 - Antara adat yang masih diamalkan seperti adat istiadat menyambut kelahiran, perkahwinan dan kematian.
- **Memuliakan yang tua**
 - Nilai ini berkaitan dengan pemahaman masyarakat Melayu bahawa orang yang lebih berusia mempunyai lebih banyak pengalaman berbanding dengan orang muda.



- **Mengutamakan ikatan kekeluargaan dan hubungan silaturahmi**
 - Amalan ini dapat dilihat daripada gelaran dalam keluarga seperti datuk, nenek, along, angh dsb.
 - Demikian juga dalam kenduri kendara dan amalan ziarah-menziarahi.
- **Saling menghormati**
 - Tamadun Melayu tidak memandang rendah kepada orang lain.
 - Orang Melayu saling menghormati malahan sering kali bersikap rendah diri.



- **Meraikan tetamu**

- Mengikut ajaran Islam, tetamu membawa rezeki kepada tuan rumah.
- Tetamu sentiasa dialu-alukan dan diraikan dengan sebaik-baiknya.

- **Bertimbang rasa**

- Orang Melayu sentiasa mementingkan perasaan orang lain dalam pelbagai keadaan.
- Sikap bertimbang rasa menjadikan orang Melayu tidak mementingkan perasaan dirinya semata-mata.



- **Bersopan santun, berbudi bahasa**
 - Masyarakat Melayu menganggap bahawa orang yang beradab sebagai halus budi pekertinya dan orang yang tidak bersopan santun sebagai biadap dan kasar.
- **Bermesyuarah**
 - Bermesyuarah adalah cara bagaimana masyarakat Melayu cuba mencapai persetujuan ramai.
 - Golongan ramai diberi peluang untuk menyuarakan pendapat mereka dan persetujuan dicapai dengan mengambil kira semua pendapat.



- **Bergotong-royong**

- Salah satu ciri Tamadun Meelayu adalah melakukan pekerjaan secara bergotong-royong.
- Nilai ini sebahagian daripada nilai kebudayaan Melayu yang berteraskan kepentingan kehidupan secara kumpulan.
- Contoh aktiviti gotong-royong seperti kenduri kendara, menanam dan menuai padi, membersihkan rumah ibadat dan tanah perkuburan.

Pencapaian dalam pelbagai bidang



- **Persuratan**

- ✦ **Sastera lisan**

- Cerita-cerita mitos (Puteri Santubong)
- lagenda (Mahsuri)
- mergastua (Sang Kancil)
- ungkapan-ungkapan Melayu (pantun, peribahasa, gurindam)

- ✦ **Sastera hikayat**

- Hikayat Melayu



- **Kesenian**

- Tamadun Melayu menghasilkan pelbagai bentuk kesenian seperti:

- ✦ Seni tari (zapin)
- ✦ Seni muzik (kompang)
- ✦ Seni ukir dan khat (ukiran pada mimbar masjid, kayu)
- ✦ Seni bela diri (silat goyang)
- ✦ Seni pertukangan (rumah)
- ✦ Seni tenun, sulam dan anyaman (songket)
- ✦ Seni kuliner (rendang)



- **Sains dan Teknologi Melayu**

- Sains dan Teknologi Melayu yang dihasilkan oleh tamadun Melayu adalah sesuatu yang unik dan mencerminkan keperluan-keperluan serta nilai-nilai kebudayaan Melayu.
 - ✦ Teknologi pertanian (bajak)
 - ✦ Teknologi Alam Bina (binaan rumah dan masjid seperti rumah kutai, rumah panjang)
 - ✦ Teknologi tekstil dan warna (mencanting batik)
 - ✦ Sains ukuran, timbangan dan sukatan (jengkal)